

U B703 DEB
MAHATHIR - KEHAKIMAN

KUANTAN, 7 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, GOLONGAN DALAM BIDANG KEHAKIMAN TELAH MULA MENYERTAI POLITIK DAN CUBA HENDAK MEMPENGARUHI KEADAAN POLITIK DALAM NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, GOLONGAN ITU SEPATUTNYA BERSIKAP BERKECUALI DAN TIDAK MEMBABITKAN DIRI LANGSUNG DALAM POLITIK.

KATANYA, USAHA SUPAYA PERLEMBAGAAN NEGARA DISEMAK, DIJALANKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG MENENTANG KERAJAAN DAN PENGLIBATAN HAKIM DALAM GERAK GERI PARTI YANG MENENTANG KERAJAAN MENIMBULKAN TANDA TANYA SAMA ADA HAKIM-HAKIM YANG BERKENAAN MEMIHAK KEPADA PARTI LAWAN.

+SAYA TIDAK KATA HAKIM-HAKIM ITU SUDAH MEMIHAK KEPADA PARTI LAWAN TETAPI TINDAKAN MEREKA TELAH MENIMBULKAN TANDA TANYA DAN INI TIDAK SIHAT BAGI URUSAN KEADILAN DALAM NEGARA,+ KATA BELIAU PADA PERSIDANGAN AKHBAR PADA AKHIR LAWATAN RASMI TIGA HARI KE PAHANG.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, PERLEMBAGAAN NEGARA TELAH MENENTUKAN BIDANG TUGAS BADAN KEHAKIMAN DAN MEREKA TIDAK SEPATUTNYA CAMPUR TANGAN DALAM BIDANG POLITIK. -- LAGI.

1057MST 07 09 87

U B704 DEB
MAHATHIR - KEHAKIMAN 2 KUANTAN

DITANYA MENGENAI SARANAN HAKIM HARUN HASHIM BARU-BARU INI MENGENAI PERLANTIKAN ANGGOTA DEWAN NEGARA, DATUK SERI DR MAHATHIR, BERKATA SARANAN ITU TIDAK PATUT DIBUAT KERANA PERKARA ITU SUDAH MASUK DALAM BIDANG POLITIK.

HAKIM ITU, KETIKA MERASMIKAN SATU SEMINAR UNDANG-UNDANG DI KUALA LUMPUR PADA SABTU LEPAS, MENYARANKAN ANTARA LAIN, SUPAYA KALANGAN MENTERI BESAR DAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI DILANTIK MENGANGGOTAI DEWAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, HAKIM SEPATUTNYA TIDAK LANGSUNG MENYUARAKAN PENDAPATNYA SECARA TERBUKA.

+APA AKAN JADI KALAU SESUATU KES YANG MELIBATKAN PENDAPAT ITU TIMBUL DALAM MAHKAMAH HAKIM ITU SENDIRI DAN ORANG RAMAI SUDAH TAHU AKAN PENDIRIANNYA.

+KALAU DIA MEMPUNYAI PENDIRIANNYA YANG TERSENDIRI, ITU MASALAH DIA.

+SAMA JUGA HALNYA DENGAN PEGAWAI KERAJAAN. DIA MEMPUNYAI PANDANGAN POLITIKNYA SENDIRI TETAPI DIA TIDAK DIBENARKAN MEMBUAT SATU KERTAS KERJA MENCADANGKAN APA YANG PATUT DIBUAT DALAM BIDANG POLITIK,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MEMPUNYAI HAK UNTUK MENASIHATI HAKIM KERANA HAK ITU TERLETAK KEPADA PIHAK YANG MENGETUAI BADAN KEHAKIMAN. -- BERNAMA.

1110MST 07 09 87